



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

|              |   |          |            |   |    |
|--------------|---|----------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | UTUSAN   |            |   |    |
| TARIKH       | : | 03.11.22 | MUKA SURAT | : | 12 |
| JABATAN      | : | JMG      |            |   |    |

# Mineral dirampas di Bukit Enggang disahkan REE

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**  
utusannews@mediamalaysia.com.my


**ALOR SETAR:** Ujian makmal *Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry (ICPMS)* oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) terhadap mineral yang dirampas di Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik mendapati *sludge cake* berkenaan mengandungi unsur nadir bumi (REE).

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, bahan berkenaan dianggarkan berjumlah RM391,360 berdasarkan nilai pasaran RM35,257 per tan metrik setakat 30 September lalu.

"Perkara ini (kecurian) disedari 26 September lalu apabila lori membawa muatan REE ditahan polis di Sik. Bahan itu disita dan akan dilupuskan setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri (PBN).

"Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) telah mengambil tindakan dengan menghentikan aktiviti pengambilan REE secara haram di Kompartmen 12 Hutan Simpan Bukit Enggang dan memusnahkan peralatan yang digunakan untuk perlombongan REE," katanya.

Muhammad Sanusi (Pas-Jeneri) menjawab pertanyaan lisan Datuk Johari Abdul (PKR-Gurun) berkaitan kecurian REE pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Wisma Darul



**PEMANDANGAN** dari udara kawasan yang didakwa menempatkan tapak perlombongan haram mineral disyaki REE di Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Aman di sini semalam.

Jelasnya, kompaun RM630,000 dikenakan terhadap individu bagi kesalahan mencerooboh dan menjalankan aktiviti yang dilarang dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) dan kesalahan melombong REE tanpa kebenaran.

"JPNK mengemukakan kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya dan mendapat

arahan izin kompaun di bawah Seksyen 32(1), 47(1), 50(1), 81(1)(d), 81(1)(e) bagi kesalahan ceroboh dan menjalankan aktiviti itu yang meliputi kompaun berjumlah RM130,000.

"Bagi kesalahan melombong REE tanpa kebenaran, kompaun kepada pihak yang terlibat berjumlah RM500,000 dikenakan kerana melanggar Seksyen 426 (1) Kanun Tanah

Negara (Akta 828). Kedua-dua kompaun telah dijelaskan pada 11 Oktober lalu," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pertimbangan untuk mengenakan kompaun dan tidak dibawa ke mahkamah kerana faktor kompaun maksimum yang dikenakan itu akan disalurkan kepada kerajaan negeri sebagai kerugian yang terpaksa ditanggung akibat kecurian itu.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia